

19 DEC 1996

BILL GATES TERIMA JEMPUTAN BANTU PROJEK MSC

KUALA LUMPUR, 19 Dis (Bernama) -- Bill Gates, pengasas dan pemilik syarikat pengeluar perisian komputer terbesar dunia Microsoft, telah bersetuju menjadi anggota lembaga penasihat Perbadanan Pembangunan Multimedia yang bertanggungjawab mewujudkan Koridor raya Multimedia (MSC).

Ini didedahkan hari ini oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang berkata beliau menerima surat daripada Gates semalam mengesahkan penerimaannya terhadap pelawaan kerajaan Malaysia itu.

Dr Mahathir membuat lawatan khas ke ibu pejabat Microsoft di Seattle, Amerika Syarikat pada Jun dan mempelawa Gates menganggotai lembaga penasihat itu.

Perdana Menteri berkata surat Gates turut menyatakan kebimbangannya mengenai cetak rompak program perisian Microsoft.

Bagaimanapun Dr Mahathir berkata Malaysia sedang dalam proses menggubal undang-undang siber yang termasuk perlindungan harta intelek. -- BERNAMA

RAZ RON